



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BTP-PSP)8810/11/1 Jld. 2 (38)
22 Disember 2009

Semua Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PEMATUHAN KEPADA PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/2005:
PENYELARASAN WAKTU MENGAJAR BAGI GURU PENYELARAS
BESTARI SERTA GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH (GURU
PENYELARAS PUSAT SUMBER SEKOLAH)**

Adalah dimaklumkan bahawa dalam usaha memantap dan memajukan sistem pendidikan negara, terutamanya berkaitan dengan pengurusan Pusat Sumber Sekolah, **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2005, *Penyelarasan Waktu Mengajar Bagi Guru Penyelaras Bestari Serta Guru Perpustakaan Dan Media Sekolah (Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah)*** bertarikh 18 Julai 2005 telah diedarkan ke sekolah-sekolah. (Dilampirkan)

2. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi penekanan yang sewajarnya dalam pelaksanaan pelbagai program berkaitan Pusat Sumber Sekolah. Pelantikan Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (GPM) merupakan satu usaha untuk memantapkan pengurusan Pusat Sumber Sekolah secara sistematik dan efisien.

3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan memastikan agar surat pekeliling berkenaan dipatuhi sepenuhnya di mana GPM hanya mengajar **6 hingga 8 waktu seminggu** disamping menjalankan tugas-tugas hakiki menguruskan Pusat Sumber Sekolah seperti yang tersenarai dalam **Buku Panduan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Untuk Guru Perpustakaan Dan Media** yang telah diedarkan ke semua sekolah.

4. Oleh yang demikian, Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan perlu memastikan waktu menguruskan Pusat Sumber Sekolah, disertakan dalam Jadual Waktu Persendirian GPM mengikut bidang tugas yang disenaraikan seperti berikut;

- 4.1 Organisasi Bahan - 10 waktu
- 4.2 Pengurusan & Pentadbiran PSS - 6 waktu
- 4.3 Galakan Membaca & Literasi Maklumat - 4 waktu

5. Pelaksanaan tugas dan Jadual Waktu GPM perlu direkodkan dalam Buku Rekod Mengajar bagi keperluan pemantauan oleh Jemaah Nazir Sekolah dan Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia yang akan dijalankan dari semasa ke semasa.

6. Sila maklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia.